



MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

KENYATAAN TAWARAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (**Terengganu**) dalam kod bidang **220801** (Kawalan Keselamatan – Perlu Lesen KDN) dan tajuk masih berkuatkuasa dibenarkan membuat tawaran bagi perkhidmatan berikut :-

1	NO SEBUTHARGA MBKT SH 13/2024	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI BENGKEL CHENDERING, KUALA TERENGGANU DAN KAWASAN PERSEKITARAN. (BAGI TEMPOH: 2 TAHUN)
---	--	---

SYARAT-SYARAT MEMASUKI TAWARAN

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Tingkat 18, Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** , dengan harga **RM 20/= senaskah**. Syarikat hendaklah membawa bersama-sama Perakuan Pendaftaran **Asal Kementerian Kewangan Malaysia** dan **satu salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa mengambil **Dokumen Sebutharga**.
2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran 'Kementerian Kewangan Malaysia'** dan satu **Rekod Pengalaman Kerja (Kawalan Keselamatan)** hendaklah dikembarkan bersama sebutharga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA
KUALA TERENGGANU.**

dengan menulis disebelah luar “ **No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH13/2024** dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, Tingkat 18, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari pada 12 Mac 2024 (Selasa)**.

3. Sebutharga ini akan dijual mulai **03 Mac 2024 (Ahad)** hingga **11 Mac 2024 (Isnin)** pada waktu pejabat sahaja.

4. Syarikat yang berjaya tetapi enggan menjalankan perkhidmatan ini selepas sebutharga disetujuterima atau menarik balik sebutharga selepas keputusan dibuat maka lesen pendaftaran akan disyorkan untuk digantung.
5. Majlis adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah sekali ataupun mana-mana tawaran.

t.t

(ROSLI BIN LATIF)

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.